

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

27 FEBRUARI 2019



RABU

AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

HARIAN METRO

LANGIT DIPENUHI LAYANG-LAYANG

2



HARIAN METRO



Langit dipenuhi layang-layang

Hari 27/2/19

Pasir Gudang: Bahang kehangatan Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang 2019 (FLLSPG) yang berlangsung di Bukit Layang-layang, Taman Bandar di sini, semakin dirasai apabila pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang program lima hari ini.

FLLSPG yang memasuki edisi ke-24 bermula hari ini hingga 3 Mac depan anjuran kerajaan negeri menerusi Majlis Perbandaran Pasir

Gudang (MPPG) dengan kerjasama Tourism Johor, Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Johor.

Yang Dipertua MPPG, Zainor Adani berkata, pada hari pertama (hari ini), pengunjung dimeriahkan dengan aktiviti menarik seawal jam 8.30 pagi iaitu pertandingan wau bulan peringkat sekolah dan kebangsaan selain pertandingan wau kucing peringkat

kebangsaan dan pertandingan Bengkel membuat wau peringkat kebangsaan serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pada 28 Februari, acara diteruskan dengan pertandingan wau jalabudi naik peringkat kebangsaan, wau daun naik secara tradisi peringkat kebangsaan, rokakku korporat, selain lolly pop drop, pertandingan mewarna, pertandingan wind garden dan pemarkahan cantik wau merak naik serta penghakiman wau merak sobek

peringkat kebangsaan," katanya.

"Acara kemuncak perasmian FLLSPG 2019 pada 1 Mac depan dengan aktiviti pertandingan wau kucing besar peringkat terbuka, Malay Train Kite peringkat sekolah, pertunjukan layang-layang peringkat kebangsaan dan antarabangsa, selain pameran serta bengkel layang-layang ciptaan dua dimensi (2D) peringkat sekolah termasuk menaikkan wau Bengkel peringkat kebangsaan dan PBT," katanya.

Zainor, berkata, pada 2 Mac seawal jam 8.30 pagi,

ada pertandingan layang-layang ciptaan bebas peringkat komuniti Pasir Gudang bagi usia 12 tahun ke bawah, 13 hingga 17 tahun dan 18 tahun ke atas.

"Pada jam 2 petang (2 Mac), lokasi arena tempatan di Bukit Layang-layang, Taman Bandar diceriakan dengan pertandingan layang-layang ciptaan dua dimensi (2D) peringkat sekolah termasuk menaikkan wau Bengkel peringkat kebangsaan dan PBT," katanya.

Konvoi promosi festival

Segamat: Seramai 30 ahli Kelab Motosikal Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), berkonvoi bermula-ramai sejauh 1,200 kilometer di sekitar daerah negeri ini bagi mempromosikan Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) 2019 kali ke-24, tahun ini.

Ketua Konvoi Bermotorsikal MPPG, Junaidi A Latip, 46, berkata, program itu diadakan bagi membantu mempromosikan FLLSPG bermula hari ini sehingga 3 Mac membiatkan jelajah di enam daerah.

"Peserta berkonvoi bermula 24 Februari lalu di Pasir Gudang sebelum bermalam di daerah Mersing. Pada keesokan harinya kami bergerak ke Ayer Hitam sebelum meneruskan perjalanan ke Segamat, Tangkak dan Senai (semalam).

"Kami turut mengedarkan risalah di beberapa lokasi tumpuan awam," katanya.

